

U B257 AAB
MAHATHIR - PERTANDINGAN

ALOR SETAR, 1 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA PERTANDINGAN BAGI MEREbut JAWATAN-JAWATAN PENTING PARTI ITU PADA PEMILIHAN MAJLIS TERTINGGI PADA 30 NOV INI BOLEH DIADAKAN ASALKAN KEDUDUKAN PARTI TIDAK TERJEJAS.

+PARTI KITA DEMOKRATIK. KALAU ADA ORANG YANG NAK BERTANDING, MEREKA BOLEH BERTANDING, TAK ADA MASALAH. HANYA JANGANLAH ADA JENIS-JENIS KEMPEN YANG TIDAK DIINGINI,+ KATANYA KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI RAMAI KALANGAN PEMIMPIN PARTI ITU YANG TELAH MENAWARKAN DIRI UNTUK BERTANDING MEREbut TIGA JAWATAN NAIB PRESIDEN UMNO.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENINGATKAN ANGGOTA UMNO SUPAYA TIDAK MENGULANGI APA +YANG DILAKUKAN OLEH SATU ORANG DULU YANG HENDAK MEREbut JAWATAN PRESIDEN DAN BILA TAK DAPAT BERASA KECEWA DAN CUBA MEROSAKKAN PARTI.+

+SAYA HARAP PERTANDINGAN BOLEH DIADAKAN TETAPI TIDAK SEMACAM ITU,+ KATANYA.

KETIKA DIMINTA PANDANGAN BELIAU SAMA ADA NAIB PRESIDEN PARTI YANG ADA SEKARANG PATUT DIKEKALKAN, BELIAU BERKATA: +SAYA TIDAK BOLEH BAGI PANDANGAN KERANA INI BERMAKNA SAYA MEMIHAK.+

KETIGA-TIGA NAIB PRESIDEN PARTI ITU IALAH TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN DATUK SERI ANWAR IBRAHIM, MENTERI PENDIDIKAN. -- BERNAMA
1958MST 01 11 90